

Headline	Penuhi permintaan pasaran pekerjaan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	20 Dec 2012	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	341 cm ²
Journalist	SAFRIALI	AdValue	RM 775
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,325



UiTM Kampus Samarahan 2 dan Mukah perkenal Diploma Pengurusan Halal

Penuhi permintaan pasaran pekerjaan

SAFRI ALI

KOTA SAMARAHAN, Rabu – Kampus baru Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak iaitu kampus Samarahan 2 yang dijangka beroperasi bagi sesi Oktober 2013 dan kampus Mukah yang dijangka memulakan operasi mulai Oktober 2015 bakal memperkenalkan beberapa program pengajian baru.

Ini adalah sejajar dengan permintaan pasaran terkini yang secara tidak langsung turut membantu menjayakan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE).

Rektor UiTM Sarawak Prof Dato Dr. Jamil Haji Hamali berkata, antara program baru yang bakal diperkenalkan tahun depan adalah Diploma Pengurusan Halal yang diperkenalkan bagi memenuhi keperluan industri di negeri ini terutama sektor halal yang semakin berkembang.

Menurutnya, pengenalan Diploma Pengurusan Halal juga dijangka melahirkan pegawai yang mahir dalam

bidang teknikal kerana sememangnya kekurangan tenaga kerja mahir dalam bidang tersebut.

“Kita bersyukur kerana dapat membantu kerajaan negeri dan persekutuan untuk melahirkan lebih ramai tenaga mahir yang diperlukan. Pembinaan kampus kedua membolehkan kita merealisasikan hasrat kerajaan untuk melatih lebih ramai bidang kerja terutama yang diperlukan oleh SCORE.

“Ini sebahagian strategi UiTM Sarawak untuk membantu kerajaan dalam memenuhi keperluan industri-industri yang terdapat di dalam SCORE,” katanya ketika berucap di Majlis Konvokesyen Eksekutif Diploma Kepimpinan dan Pengurusan Islam UiTM Sarawak dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak (MAIS) di UiTM Sarawak di sini hari ini.

Katanya, sebuah makmal halal juga bakal di tempatkan di kampus Samara-

han 2 yang mampu menjadi pusat saringan produk hala pertama di negeri ini.

“Pembinaan makmal halal di kampus Samarahan 2 dilihat sejajar dengan pembinaan Makmal Analisa Institut Malaysia Malaysia yang terletak di Nilai dalam memberi pengiktirafan status halal terhadap produk di peringkat tempatan mahu pin global dan pada masa yang sama turut membuka ruang kepada perjawatan batu yang diperlukan,” ujarnya.

Katanya, apabila kampus baru UiTM Sarawak siap kelak adalah diyakini matlamat UiTM untuk mencapai enrolmen pelajar kepada lebih 10,000 orang dapat direalisasikan menjelang 2015.

“Sehingga sesi Disember ini, jumlah pelajar kita telah mencecah hampir 7,000 orang membuktikan UiTM masih menjadi pilihan pelajar untuk melanjutkan pengajian mereka,” katanya.



TAHNIAH ... Prof Dato Dr. Jamil Hamali menyampaikan skrol kepada salah seorang graduan sambil disaksikan oleh Datuk Haji Daud Abdul Rahman di UiTM Sarawak, Kota Samarahan semalam.